



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK MyIS-24-1667: PEMBANGUNAN KELESTARIAN PERTANIAN TEMPATAN MELALUI IMPLEMENTASI SISTEM AKUAPONIK BERSEPADU MENGGUNAKAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI SOLAR DAN TEKNOLOGI IoT BAGI TANAMAN TERINTEGRASI

PASIR PANJANG, 30 JULAI 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa komited dalam memperkukuh pembangunan inovasi akar umbi yang berupaya menyelesaikan cabaran sebenar masyarakat melalui penggunaan teknologi yang praktikal, mampan dan berimpak tinggi. Pelbagai program yang bertujuan untuk membangun dan memperluaskan penyelesaian berasaskan sains, teknologi dan inovasi (STI) telah dilaksanakan untuk menangani cabaran sebenar masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang berkesempatan turun ke lapangan melawat tapak projek MyIS Komuniti: Pembangunan Kelestarian Pertanian Tempatan Melalui Implementasi Sistem Akuaponik Bersepadu Menggunakan Tenaga Boleh Diperbaharui Solar Dan Teknologi IoT Bagi Tanaman Terintegrasi di Mukim Rantau, Pasir Panjang, Negeri Sembilan. Program MyIS Komuniti merupakan inisiatif MOSTI yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sejak tahun 2015 bagi memperkasa penggunaan STI dalam menyelesaikan cabaran sosial, memenuhi keperluan komuniti serta mewujudkan peluang ekonomi masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam ucapan beliau, Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang memaklumkan sebanyak 67 projek inovasi sosial telah dibiayai di seluruh negara bagi tempoh di antara tahun 2021 hingga 2025. Seramai lebih 6,700 orang telah menerima manfaat secara langsung daripada pelaksanaan projek-projek tersebut.

Projek yang diketuai oleh Dr. Mohamad Farid Misnan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) tersebut telah memberi peluang kepada ahli Persatuan Veteran Jurutera Letrik dan Jentera Diraja (JLJD) Negeri Sembilan untuk memanfaatkan sistem akuaponik yang dilengkapi tenaga solar serta teknologi IoT bagi menjana pendapatan tambahan melalui pengeluaran hasil pertanian dan akuakultur yang berkualiti.

Dana projek yang disalurkan melalui Program MyIS merupakan satu bentuk pelaburan kerajaan dalam pembangunan inovasi yang memberikan manfaat secara langsung kepada rakyat. Pelaburan ini bukan sekadar melibatkan penyediaan kemudahan dan teknologi, malah merangkumi pembangunan pengetahuan, kemahiran serta keupayaan komuniti untuk menguruskan projek secara mampan.

Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang berharap agar projek tersebut dapat dijadikan sebagai model rujukan dan diperluas ke komuniti lain di seluruh negara. Melalui pendekatan yang bersesuaian, lebih banyak komuniti khususnya di kawasan luar bandar dapat memanfaatkan teknologi pintar dalam sektor pertanian, meningkatkan keterjaminan makanan dan memperkukuh daya tahan ekonomi.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
30 JULAI 2026